

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI KHAMIS 4 MEI, 2000 PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

1

USUL Y.A.B. PERDANA MENTERI

Timbalan Perdana Menteri akan mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan benarkah dakwaan ramai kontraktor menghadapi masalah pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan apakah ianya akan ditutup selepas Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan yang mana fungsi kedua organisasi berkenaan adalah sama. (PM #5069 v1)
2. **To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-
 - (a) berapa banyakkah jumlah syarikat yang telah diberi lesen mengimport kereta dari luar negara; dan
 - (b) berapa jumlah kereta yang dibawa masuk tiap bulan dan jenisnya. (PM #5130 v1)
3. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah beliau sedar menjelang Sukan Komenwel yang lalu, yang telah diadakan di Malaysia dengan jayanya, masalah kekurangan bekalan air dengan jelas mengancam wargakota Kuala Lumpur dan penduduk yang tinggal berhampiran dengannya pada masa itu, tetapi pada hari ini, masalah ini tidak timbul lagi dan sila terangkan apakah sebab dan faktor masalah ini tidak timbul lagi. (PM #5394 v1)

4. **Dato' V.K.K. Teagarajan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membersihkan serta membasmi Bandaraya Kuala Lumpur daripada masalah penagih dadah, pelacuran dan pembukaan pusat hiburan tanpa lesen. (PM #5461 v1)
5. **Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah persediaan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi menghadapi kesan dan risiko peraturan yang akan dikenakan oleh WTO dalam proses globalisasi perdagangan antarabangsa tidak lama lagi. (PM 5340 v1)
6. **Tuan Parasuraman a/l Sanasamy** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan memandangkan Kementerian di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN 3) sedang dan akan terus memajukan sektor akuakultur, adakah lombong-lombong tinggal di negara ini akan diambil alih bagi memajukan akuakultur berteraskan ikan air masin/ikan air tawar. (PM #5532 v1)
7. **Tuan Khoo Lay Hin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai permintaan yang dikandung dalam Memorandum yang disampaikan kepada beliau oleh pihak Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia atau NUJ tahun lepas. (PM #5440 v1)
8. **Datuk Long bin Jidin** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT** menyatakan memandangkan ada banciaan pendapatan pendudukan bagi masyarakat Orang Asli berkaitan:-
 - (a) kedudukan sebenar jumlah Orang Asli termiskin, miskin dan yang melepasi paras kemiskinan bagi setiap negeri dalam Malaysia; dan
 - (b) apakah tindakan Kerajaan selanjutnya untuk mencapai kemiskinan sifar terhadap masyarakat tersebut. (PM #5241 v1)
9. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta **MENTERI PERUSAHAAN UTAMA** menyatakan dasar Kerajaan dalam isu pengeksportan kayu kayan negara ini yang membabitkan kuota syarikat Bumiputera dan bukan Bumiputera. (PM #5368 v1)
10. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Sistem Saraan Baru (SSB) akan dikaji semula kerana terdapat sebahagian besar kakitangan Kerajaan tidak berpuas hati dengan sistem tersebut. (PM #5408 v1)

11. **Dato' Tee Thiong Hock** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
- (a) apakah projek-projek jalanraya yang telah diluluskan dan diswastakan di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya serta di kawasan sekitar yang masih tergendala dan belum dibina; dan
 - (b) disebabkan jalanraya-jalanraya ini dipunyai oleh syarikat yang berlainan, ini menyebabkan pembayaran tol menjadi sebuah masalah, terutamanya untuk pemandu yang menggunakan lebih daripada satu jalanraya setiap kali memandu kereta. Apakah rancangan Kerajaan untuk menyelenggarakan sistem pembayaran tol.
- (PM #5525 v1)
12. **Puan Jaya Partiban** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah khas yang diambil khususnya di kawasan setinggan untuk menangani gejala sosial yang makin meningkat di kalangan generasi muda; dan
 - (b) apakah Kementerian sedar bahawa Belia India yang berhijrah dari ladang ke kawasan setinggan kurang berpelajaran dan tidak mempunyai latihan untuk mendapat kerja yang sesuai. Jika ia, apakah rancangan khas untuk membantu mereka.
- (PM #5473 v1)
13. **Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewajibkan Pra-Sekolah dan meletakkan di bawah Kementerian bagi membentuk penyelarasan pendidikan Pra-Sekolah dan kesesuaian personaliti kanak-kanak di segi pendidikan asas dalam negara.
- (PM #5554 v1)
14. **Datuk Norjan binti Khan Bahadar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap badan-badan bukan Kerajaan (NGO) yang melakukan aktiviti yang bertentangan dengan perlembagaan masing-masing seperti terlibat secara langsung dan aktif dalam kempen pilihanraya bagi NGO yang tidak didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan politik.
- (PM #5004 v1)
15. **Puan Safinah binti Jusoh** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengawal serta memantau rancangan hiburan termasuk video klip dari barat yang tidak mencerminkan budaya timur.
- (PM #5275 v1)
16. **Tuan N. Marimuthu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk membina lebih banyak bilik darjah di SJK (Tamil) seluruh negara agar sekolah satu sesi dapat berjalan dengan lancar.
- (PM #5109 v1)

17. **Tuan Khoo Lay Hin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihan Raya telah memutuskan supaya hanya orang yang lulus Ujian Bahasa Malaysia dibenar bertanding sebagai calon Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dan jika tidak, kenapa. (PM #5439 v1)
18. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah dan peratusan sekolah-sekolah yang dilengkapi dengan komputer di luar Bandar mengikut negeri. (PM #5307 v1)
19. **Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memandangkan ramai pelajar yang berkelayakan untuk ke IPT setiap tahun adakah Kementerian berusaha untuk memberi kelonggaran atau bantuan kewangan tambahan kepada pelajar-pelajar semasa mendaftar diri. (PM #5313 v1)
20. **Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sedarkah Kerajaan bahawa terdapat beberapa orang termasuk suami-isteri yang sudah menunaikan fardhu haji diberi peluang untuk menunaikan fardhu haji sekali lagi, sedangkan terdapat banyak pemohon-pemohon yang belum pernah menunaikan fardhu haji gagal dalam pemilihan untuk mengikut je maah Tabung Haji dan jika ya, kenapakah perkara ini sering berlaku. (PM #5177 v1)
21. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sejauhmanakah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) berjaya dalam usahanya membasmikan kemiskinan penduduk luar bandar. Berapakah bilangan penduduk yang terlibat dengan program ini mengikut negeri sepanjang tahun 1999. (PM #5146 v1)
22. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek bagi membantu meningkatkan taraf hidup atau pendapatan pekebun-pekebun kecil getah dan pekerja-pekerja. (PM #5363 v1)
23. **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah benar kita kekurangan pakar penyelidik di universiti dan amat merugikan negara. Dasar Biodiversiti telah diperkenalkan tetapi cuma golongan akademik dan aktivis alam sekitar sahaja yang mengetahuinya. Khalayak ramai tidak sedar mengenainya walaupun Malaysia diiktiraf antara 12 negara yang kaya dengan sumber ini. (PM #5026 v1)
24. **Dato' Ting Check Sii** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN** menyatakan langkah-langkah secara terperinci yang sedang dan akan diambil untuk mempromosikan Gua Mulu dan gua-gua sekelilingnya sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia. (PM #5233 v1)

25. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu syarikat PUTRA dan STAR yang menghadapi masalah kewangan. Bagaimanakah cadangan Kerajaan untuk mengelakkan masalah yang sama berlaku kepada projek keretapi Kuala Lumpur-KLIA.
(PM #5188 v1)
26. **Datuk William Lau Kung Hui** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) berapa buah syarikat telah diberi lesen menjalan premis menjual empat nombor ekor di Sarawak dan adakah lesen tambahan masih lagi dikeluarkan; dan
 - (b) berasaskan cukai/levi perjudian yang dibayar oleh syarikat syarikat ini, adakah bilangan orang ramai yang membeli nombor empat ekor bertambah.
- (PM #5551 v1)
27. **Tuan Benedict Bujang Tembak** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) setakat manakah langkah-langkah tertentu yang telah diambil atau dicadangkan di luar bandar supaya penduduk di luar bandar dapat menikmati hasil E-government; dan
 - (b) berapakah peruntukan yang telah atau yang akan dibelanjakan untuk membekal infrastruktur yang tertentu supaya E-Government dapat dijalankan dengan lancar di Sarawak.
- 27(PM #5453 v1)

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL

1.	(D.R. 1/2000)	Rang Undang-undang Perbekalan 2000 – Menyambung semula Perbahasan atas Masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (3 Mei, 2000)	
2.	(D.R. 2/2000)	Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000	Bacaan Kali Yang Kedua
3.	(D.R. 14/2000)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000	”
4.	(D.R. 8/2000)	Rang Undang-undang Kewangan 2000	”
5.	(D.R. 17/2000)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000	”
6.	(D.R. 18/2000)	Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2000	”
7.	(D.R. 19/2000)	Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 2000	”
8.	(D.R. 15/2000)	Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000	”
9.	(D.R. 9/2000)	Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2000	”
10.	(D.R. 10/2000)	Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000	”
11.	(D.R. 11/2000)	Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000	”
12.	(D.R. 12/2000)	Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuik Api Pembina Anggota 2000	”

- | | | | |
|-----|----------------|--|------------------------|
| 13. | (D.R. 13/2000) | Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 14. | (D.R. 21/2000) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2000 | ” |
| 15. | (D.R. 20/2000) | Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000 | ” |
| 16. | (D.R. 22/2000) | Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2000 | ” |

17. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan:

Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut sub-seksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuatkuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama 5 tahun lagi bermula dari 15 Jun 2000.